

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN NOVEMBER 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MEDIA	MUKA SURAT
1.	03.11.2022	MACC Ready To Meet Blogger Raja Petra Over LCS Claim Involving Zahid - Report	The edge CEO Morning Brief	2
2.	12.11.2022	Pegawai Kena Denda RM17K – Guna Sebut Harga Palsu	Harian Metro	3
3.	28.11.2022	2 Langkah Besar Penjimatan	Sinar Harian	4
4.	30.11.2022	'Jangan Kita Izinkan, Rasuah, Ketirisan...'	Harian Metro	5

The Edge CEO Morning Brief | 3 November 2022 | Page 16

MACC ready to meet blogger Raja Petra over LCS claim involving Zahid — report

BY SURIN MURUGIAH
theedgemarkets.com

KUALA LUMPUR (Nov 2): The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) is prepared to meet blogger Raja Petra Kamarudin over his allegation that Umno president Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi received kickbacks amounting to S\$20 million (about RM67 million) connected to the troubled littoral combat ship (LCS) project.

In a report on Wednesday (Nov 2), *Free Malaysia Today* (FMT) said MACC chief commissioner Tan Sri Azam Baki told the news portal that the agency would let Raja Petra, also known as RPK, to propose a lo-

cation for the meeting as suggested by the blogger in a video posted on his website on Tuesday.

“We are ready to meet him. He can pick a location to meet my officers to allow us to obtain further information from him regarding the allegation,” Azam was quoted as saying.

Raja Petra alleged that the former deputy prime minister received the money in eight staggered payments between 2012 and 2013.

He claimed the transactions were facilitated through money changers in Malaysia and Singapore.

FMT reported that in the video, the blogger extended an invitation to the MACC to go to the UK, where he is believed to be based, to meet him, so that he could hand over the relevant documents.

The LCS project came under parliamentary scrutiny over the non-delivery of six ships contracted for by the Ministry of Defence.

In a report, the Public Accounts Committee noted that not a single ship had been completed to date — despite the Government having paid RM6.08 billion.

The contract to acquire the ships was awarded to Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd through direct negotiations in 2011.

12 NOVEMBER 2022 | SABTU | HARIAN METRO | MUKA SURAT : 12

Harian Metro | 12 November 2022 | Page 20

Oleh Balqis
Jazimah Zahari
am@hmetro.com.my

Ipoh

Seorang pegawai Yayasan Perak mengaku bersalah dan didenda RM17,000 atas pertuduhan menggunakan dokumen palsu untuk membekalkan pakej pakaian sukan empat tahun lalu.

Tertuduh, Abdul Malek Mansor, 50, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Ainul Shahrin Mohamad di Mahkamah Sesyen Ipoh di sini, semalam.

Mahkamah memerintahkan tertuduh dipenjarakan tiga bulan jika gagal membayar denda berkenaan. Tertuduh membayar denda itu.

Mengikut pertuduhan, Abdul Malek yang menjawat Penolong Pegawai Pentadbiran Yayasan Perak dengan curangnya menggunakan sebagai tulin satu dokumen Sebut Harga Olala Network untuk melaksanakan pembekalan pakej pakaian sukan sempena Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri (Pesaya) ke-19 pada 2019 berjumlah RM63,650.



ABDUL Malek (kanan) mengaku bersalah memalsukan dokumen sebut harga pembekalan pakej pakaian sukan empat tahun lalu.

GUNA SEBUT HARGA PALSU

PEGAWAI KENA DENDA RM17K

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di Pejabat Yayasan Perak pada 2 Ogos 2018.

Atas kesalahan itu, tertuduh melakukan kesalahan

mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan [Akta 574] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 Kanun sama.

Sabit kesalahan boleh dipenjarakan sehingga dua tahun

atau denda atau kedua-duanya sekali.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Maziyah Mansor manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

28 NOVEMBER 2022 | RABU | SINAR HARIAN | MUKA SURAT : 12

SINAR HARIAN • ISNIN 28 NOVEMBER 2022

2 langkah besar penjimatan

Pakar saran teliti projek setiap kementerian, kawal ketirisan subsidi

SHAH ALAM

Terdapat dua langkah utama yang boleh dilaksanakan kerajaan di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam usaha menjimatkan perbelanjaan negara dan mengelakkan pembaziran.

Pensyarah Kanan Politik Ekonomi Universiti Teknologi Mara Sabah, Dr Firdausi Suffian berkata, dua perkara itu adalah meneliti semula pelaksanaan projek setiap kementerian dan menangani ketirisan dalam pemberian subsidi.

Katanya, untuk memastikan penjimatan dapat dilakukan, kerajaan harus membuat penilaian yang teliti supaya perbelanjaan bakal dikeluarkan itu hanya tertumpu kepada projek yang mampu memberi nilai tambah kepada pembangunan ekonomi dan rakyat.

"Amalan dan langkah penjimatan ini kena datang daripada setiap kementerian berserta perancangan tersendiri untuk tujuan penjimatan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Firdausi berkata, dengan mengambil langkah tersebut, kerajaan dianggarkan dapat menjimatkan sekitar hampir RM1 bilion setahun.

Beliau berkata, nilai boleh diijimatkan adalah selepas mengambil kira jumlah kerugian dialami negara akibat pembaziran dan ketirisan seperti tercatat dalam Laporan Ketua Audit Negara 2019.

"Jumlah RM1 bilion ini sama dengan bajet tahunan untuk pembangunan negeri Perlis. Bayangkan jumlah sebegitu besar boleh tiris begitu sahaja," ujarnya.

Mengulas mengenai ketirisan dalam pemberian subsidi pula Firdausi berkata, pemantauan

Selain perbelanjaan kementerian, kerajaan juga disaran mengawal ketirisan subsidi kepenggunaan seperti petrol.



wajar ditingkatkan agar ia tidak terbazir kepada kumpulan tidak memerlukan.

Kerajaan mengunjurkan perbelanjaan subsidi kepenggunaan berjumlah RM77.3 bilion bagi 2022 setakat ini. Subsidi kepenggunaan berkenaan meliputi petrol, diesel, gas petroleum cecair (LPG), minyak masak, tepung dan elektrik bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Sementara itu, Ketua Penyelidik Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia, Dr Shankaran Nambiar berkata, kerajaan wajar menyemak dengan teliti setiap projek yang dilaksanakan jika mahu melakukan penjimatan secara signifikan.

Katanya, dengan mengamalkan proses perolehan dan tadbir urus yang baik, kerajaan boleh mendapatkan penjimatan antara 6 hingga 10 peratus daripada setiap projek yang dijalankan.

"Proses penjimatan ini matlamat utamanya adalah supaya dana yang ada itu dapat dikembalikan kepada program yang mampu meningkatkan kesejahteraan penduduk," katanya.

FIRDAUSI

30 NOVEMBER 2022 | RABU | HARIAN METRO | MUKA SURAT : 10

ANWAR (tengah) berucap pada Majlis Perjumpaan Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Putrajaya. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH



Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu pentadbiran baharu pimpinannya tidak mengizinkan berlakunya ketirisan dan rasuah dalam setiap urusan.

Perdana Menteri berkata, setiap penjawat awam perlu bersiap sedia menghadapi masa depan termasuk melihat apa yang boleh dan tidak boleh lagi dilakukan.

Beliau berkata, perubahan berkenaan seharusnya berlaku di setiap peringkat dalam perkhidmatan awam.

"Soal peraturan, perolehan, soal kelulusan tanpa tender, ini semua. Tidak boleh lagi negara ini terus dengan mengizinkan kebocoran, ketirisan dan rasuah."

"Maka untuk peringkat

'Jangan kita izinkan rasuah, ketirisan...'

Anwar ajak penjawat awam tingkat integriti dalam perkhidmatan

awal ini, saya ingin menyeru mengajak saudara untuk sama-sama dalam pasukan.

"Mari kita bertekad menyelamatkan negara kita," katanya pada perhimpunan bulanan pertamanya dengan penjawat awam sejak menyandang jawatan Perdana Menteri di Dataran Perdana Putra, di sini, pagi semalam.

Perjumpaan Perdana Menteri bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) itu turut dihadiri Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Anwar berkata, ketika ini,



ANWAR beramah mesra bersama sebahagian warga JPM.

biarpun kehidupan rakyat di negara ini tidak separah yang berlaku di beberapa negara, namun, kebanyakan mereka masih berada dalam kesukaran. Mengimbu pengalaman ketika memegang jawa-

tan Menteri Kewangan, Anwar berkata, arahan pertamanya ketika itu adalah larangan supaya keluarga dan rakan terdekatnya diberikan kepentingan dalam apa-apa kelulusan projek kerajaan.

"Negara ini rosak bukan kerana perkhidmatan awam. Seperti yang kita lihat saya beri contoh MAS. Perkhidmatannya sangat baik, pengurusan baik, pengurus jenteranya baik. Yang lemah itu adalah pengurusan di atas dan akibatnya kerugian kepada ramai keluarga dan

kesan kepada negara dan imej keyakinan negara," katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, beliau juga tidak menghiraukan fitnah sesetengah pihak yang mengaitkannya sebagai ejen Amerika Syarikat, Israel mahupun Turkiye, sebaliknya beliau mahu pentadbirannya memberi tumpuan kepada perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat.

"Pengalaman saya di Kementerian-kementerian dan saya tahu tidak mungkin kita mencapai apa-apa tanpa komitmen," katanya.

Terdahulu, Anwar berkata, biarpun pentadbiran negara serta Perdana Menteri bersilih ganti, namun penjawat awam sebagai tanggungjawab mentadbir mengurus kekal dengan tujuan mengangkat satu sistem dengan peraturan negara yang dibina dengan undang-undang.